

TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA
TAN SRI DR. HAILI BIN DOLHAN
PENGERUSI
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN**

SEMPENA

**‘MAJLIS PERHIMPUNAN BERSAMA
TAN SRI PENGERUSI SPP DAN
PELANCARAN PORTAL RASMI BAHARU SPP’**

PADA

4 DISEMBER 2017 (ISNIN)

**BERTEMPAT DI
DEWAN SERBAGUNA, MENARA SERI WILAYAH
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

Saudara dan Saudari Pengacara Majlis,

Yang Berbahagia Tan Sri Ahmad Phesal bin Talib

Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran

Yang Berbahagia Datuk Abu Bakar bin Idris

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran

Yang Dihormati

Barisan Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran

Tuan-tuan dan puan-puan, warga Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran sekalian.

Assalamualaikum WBT, Salam Sejahtera dan Salam Negaraku

1. Terlebih dahulu saya ingin menzahirkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat ilahi di atas limpah dan kurniaNya, kita dapat sama-sama berkumpul pada hari ini dalam satu Majlis Perhimpunan yang mengumpulkan barisan Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran dan warga Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP). Walaupun pada awalnya Majlis ini dirancang untuk diadakan di Kompleks JPM, namun atas sebab tertentu kita terpaksa memindahkan lokasi ke Dewan Serbaguna, Menara Seri Wilayah. Terima kasih tidak terhingga kepada Kementerian Wilayah Persekutuan yang dapat menyediakan kemudahan Dewan ini kepada SPP, begitu juga seluruh Warga SPP yang dapat hadir dalam Majlis hari ini. Sesungguhnya perjumpaan seperti ini merupakan peluang terbaik bagi kita mengukuhkan jalinan mesra dan tautan kasih sesama kita Warga SPP. Saya difahamkan majlis hari ini telah disusun dengan beberapa acara dan diakhiri dengan jamuan makan tengahari yang menunya cukup istimewa. Doa saya semoga program kita hari ini berjalan lancar mengikut seperti mana yang telah dirancang.

2. Sebelum saya meneruskan ucapan, izinkan saya untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua warga SPP yang telah sama-sama menjayakan Bulan Sukan SPP 2017 yang telah berlangsung dari bulan Ogos hingga November 2017. Saya begitu teruja dengan semangat yang ditunjukkan oleh semua warga SPP

menyokong program yang dirancang oleh Kelab Sukan dan Rekreasi (KSRSP) meskipun ada acara yang diadakan pada hari cuti dan hujung minggu. Penglibatan sebegini sememangnya membuktikan bahawa warga SPP bukan sahaja komited dengan tugas hakiki di pejabat, tetapi juga menyokong aktiviti di luar pejabat.

Hadirin yang dihormati sekalian

3. Saya dimaklumkan bahawa KSRSP yang mula aktif semula sejak tahun 2016 dianggotai seramai 190 orang warga SPP. Satu jumlah yang ramai dengan melibatkan hampir semua pegawai di SPP di Ibu Pejabat. Bulan Sukan SPP tahun 2017 yang dianjurkan telah dibahagikan kepada tiga (3) rumah sukan iaitu Datuk Bahaman, Tok Janggut dan Mat Kilau. Saya bersama Barisan ASJ amat berbesar hati apabila diundang untuk sama-sama menyertai Kejohanan Rumah Sukan KSRSP pada bulan lepas. Antaranya pertandingan bowling di Cyberjaya dan perlawanan Bola Sepak, Bola Jaring serta Bola Tampar di IPG Pengajian Islam, Bangi. Saya juga difahamkan terdapat berberapa lagi pertandingan telah diadakan sebelum ini seperti Batu Seremban, Dart, Congkak, Ping pong dan Tuju Getah.

4. Saya amat berharap program-program seperti ini diteruskan pada masa-masa akan datang, kerana melalui program sebegini bukan sahaja dapat merapatkan silaturahim Barisan ASJ bersama warga SPP bahkan menyahut seruan Kerajaan supaya rakyat kita mengamalkan

cara hidup sihat. Justeru, bagi memastikan kesinambungan penganjuran program kesukanan dan program berbentuk sosial, saya cadangkan kepimpinan KSRSP untuk memohon geran yang disediakan oleh pejabat YB Datuk Joseph Entulu Anak Belaun, Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Hadirin yang dihormati sekalian

5. Pada hari ini juga, SPP akan melancarkan portal rasmi yang baharu hasil tambah baik (*upgrading*) portal yang lama. Syabas kepada Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) SPP sebagai peneraju dan Bahagian-Bahagian lain yang turut terlibat dalam usaha transformasi yang saya percaya akan meningkatkan imej dan penjenamaan SPP sebagai sebuah Pihak Berkuasa Melantik sektor perkhidmatan pendidikan Negara. Bagi saya usaha seperti ini penting ke arah merasionalisasikan portal rasmi SPP bukan sahaja mudah dicapai, mesra pelanggan tetapi juga dapat memenuhi keperluan pelanggan untuk mendapatkan maklumat dan perkhidmatan secara berpusat.

6. Hari ini, perubahan berlaku dengan begitu pesat. Ekspektasi *stakeholder* dan kehendak pelanggan terhadap SPP semakin meningkat. Sementara kita tampil dengan idea-idea yang kreatif dan inisiatif-inisiatif baharu bagi memenuhi kehendak pelanggan, di saat

itu jugalah ekspektasi mereka berubah dan memerlukan perkhidmatan yang lebih baik. Tiada jabatan atau agensi yang terkecuali daripada arus perubahan ini. Justeru saya percaya portal rasmi baharu ini bukan sahaja mempunyai reka bentuk laman web yang menarik, menawarkan kepelbagaian fungsi dan capaian tetapi memaparkan kandungan laman yang berkualiti seiring peredaran masa.

Hadirin yang dihormati sekalian

7. Hari ini dengan dukacitanya, SPP juga akan meraikan tamatnya tempoh perkhidmatan dua Ahli Suruhanjaya yang begitu disayangi serta banyak menyumbang jasanya kepada SPP iaitu Tuan Haji Osman bin Abdul Aziz dan Tuan Haji Morazuki bin Hashim. Kedua-dua Tuan Haji telah melengkapkan tempoh perkhidmatan mereka dengan SPP selama tiga tahun bermula pada 5 Disember 2014. Saya secara peribadi, yang mengenali beliau sejak dilantik sebagai Ahli Suruhanjaya begitu kagum dengan komitmen dan sumbangan kedua-duanya mereka yang tidak lokek memberi idea dan pandangan semasa Mesyuarat bahkan sentiasa turun padang ke program-program yang dianjurkan oleh SPP. Mengambil kesempatan ini, saya bagi pihak Kerajaan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan di atas sumbangan dan jasa bakti yang diberikan oleh Tuan Haji berdua semasa berkhidmat dengan SPP. Moga hubungan baik antara Tuan

Haji berdua dengan SPP selama ini akan terus berkekalan sampai ke hujung hayat.

8. Selain dari tamatnya kontrak dua orang Ahli Suruhanjaya pada tahun ini, SPP juga kehilangan dua orang Setiausaha Bahagian yang amat dedikasi dan komited dengan tugas yang diberikan. SPP mengucapkan terima kasih dan semoga maju jaya ditempat bertugas baharu kepada Puan Wan Nurulhidayah binti Wan Samsudin, Setiausaha Bahagian, Bahagian Keurusetiaan dan Puan Zarita binti Datuk Zainol Abidin, Setiausaha Bahagian, Bahagian Khidmat Pengurusan. Kami di sini akan sentiasa mengingati puan berdua sebagai ahli keluarga besar SPP dan sekiranya rindu, jenguk-jenguklah kami di SPP.

Hadirin yang dihormati sekalian

9. Tahun 2017 sudah hampir ke penghujungnya. Bulan Disember bagi setiap tahun merupakan bulan penilaian kepada penyampaian perkhidmatan yang telah dirancang sejak awal tahun. Saya pasti setiap warga SPP di sini telah pun melengkapkan keperluan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) dan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) untuk penilaian pegawai penilai masing-masing. Nasihat saya pegawai penilai mahupun pegawai penilai semula wajar membuat penilaian prestasi pegawai bawahan secara objektif berdasarkan

panduan yang ditetapkan. Setiap pada kita perlu sentiasa ingat untuk memenuhi keperluan tugas yang diberikan kerana ia adalah tanggungjawab yang perlu digalas dengan penuh amanah termasuk sentiasa patuh arahan waktu bertugas dan mengamalkan disiplin yang tinggi sebagai penjawat awam.

10. Setiap pegawai di SPP merupakan aset penting dan mereka mempunyai peranan dalam memastikan keperluan setiap pelanggan dapat dipenuhi. Semangat kerja secara berkumpulan dan sifat sentiasa ingin memperbaiki kekurangan menjadi asas kecemerlangan selama ini. Bagi meneruskan kecemerlangan itu, transformasi perlu dibuat agar SPP tidak terlalu selesa dengan kejayaan semasa. Justeru, saya menyokong usaha SPP untuk mendapatkan pengiktirafan MS ISO 9001:2015 dimana bulan Disember ini dijadualkan lawatan penilaian daripada audit luar. Saya dimaklumkan selewat-lewatnya penghujung Januari 2018 SPP akan memperolehi pengiktirafan MS ISO 9001:2015 yang dilihat sebagai langkah penting untuk meningkat dan mengukuhkan penyampaian perkhidmatan mengikut piawaian antarabangsa.

Hadirin yang dihormati sekalian

11. Sebelum saya mengakhiri ucapan, dikesempatan ini juga saya mewakili Barisan Ahli Suruhanjaya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih di atas penyelarasan dan bantuan diberikan

semasa sesi temu duga yang berlangsung sepanjang tahun ini. Perhatian dan kerjasama oleh YBhg Datuk Abu Bakar bin Idris, Setiausaha SPP bersama pihak urus setia temu duga yang juga meliputi semua Bahagian di SPP berjaya memastikan perjalanan, penginapan dan makan minum kami ASJ sentiasa terurus dan diutamakan. Komitmen setiap daripada anda sebagai pemudah cara kepada tugas kami menunjukkan iltizam yang tinggi untuk terus menjadikan SPP sebagai Badan Kuasa Melantik yang dinamik, efektif dan berintegriti.

Anak itik terenang-renang
Air pasang tenang-tenangan
Budi sedikit bilakan hilang
Itu menjadi kenang-kenangan

Anak ikan berlima-lima
Jatuh ditimpa punggung berdaun
Kasih tuan saya terima
Sebagai hutang seribu tahun

12. Akhir kata, dengan lafaz bismillahhirahmanirahim saya melancarkan portal rasmi baharu Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran.